

**Karpal desak Azhar Ibrahim didakwa ikut Akta Hasutan
Malaysiakini.com
November 02, 2010**

Ahli parlimen veteran, Karpal Singh mahu ketua pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Azhar Ibrahim diheret ke mahkamah atas tuduhan menghasut berhubung kenyataan yang dibuatnya pada 6 Mei lalu.

Semalam, DUN Pulau Pinang menggantung Azhar untuk selama enam bulan.

NONE Menurut Karpal, perkara yang diutarakan oleh Azhar serius dan membawa implikasi negatif terhadap perhubungan kaum di Malaysia walaupun Azhar menarik balik kenyataannya itu.

"Perlembagaan Persekutuan dan semua perlembagaan negeri di Malaysia dipinda selepas peristiwa 13 Mei 1969 untuk sebarang hasutan dibolehkan dibawa kepada pertuduhan jenayah walaupun diutarakan dalam prosiding parlimen atau DUN," katanya pada sidang media di Dewan Rakyat hari ini.

Azhar dilaporkan berkata mahu pihak tentera mengambil alih tugas polis dan mengatakan benci kepada orang Melayu bererti benci orang Islam.

Menurut Karpal kes pendakwaan kata-kata berbaur hasutan di parlimen pernah berlaku sebelum ini dan agak hairan mengapa DUN Pulau Pinang tidak membuat laporan polis berkenaan isu ini.

"Saya agak terkejut DUN Pulau Pinang tidak merujuk perkara ini dalam bentuk laporan polis untuk tindakan diambil terhadap.

NONE "Tahun 1982, seorang ahli parlimen disabit kesalahan kerana mengutarakan perkataan berunsur hasutan dalam prosiding parlimen. Ahli Parlimen tersebut, Mark Koding didapati melanggar seksyen 3(1)(b) akta hasutan kerana meminta pindaan perlembagaan dan penarikan pindaan artikel 152 Perlembagaan Persekutuan," kata beliau.

Karpal juga pernah dihadapkan dengan tuduhan di bawah akta Hasutan tahun lalu kerana membuat kenyataan Sultan Perak harus dibawa ke mahkamah kerana peranan yang dibawa baginda ketika tumbangannya kerajaan Pakatan Rakyat Perak pada tahun 2009.

Justeru beliau meminta Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng membuat laporan polis ke atas Azhar (atas, pertama dari kiri).

"Azhar tidak boleh dibenarkan terlepas hanya dengan digantung enam bulan.

"Peguam Negara, sebagai Pendakwaraya bertanggungjawab untuk bertindak tanpa takut atau pilih kasih demi kebaikan awam," sarannya.